

# Urusan ambil alih saham MAS belum diputuskan

KUALA LUMPUR: Perbincangan kerajaan bagi mengambil alih saham majoriti milik Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, dalam syarikat penerbangan nasional itu, dijangka diputuskan tidak lama lagi.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berkata setakat ini perbincangan sedang dijalankan di antara kedua-dua pihak tetapi tidak ada tarikh tertentu ditetapkan bagi menyelesaikan rundingan.

"Kita masih berbincang... mungkin tidak lama lagi (diputuskan)," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pesta sukan Kementerian Kewangan ke-26 di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak di Cheras dekat sini, semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan kerajaan sedang berbincang untuk membeli saham milik Tajudin dalam syarikat penerbangan itu.

Tajudin menguasai 29.09 peratus pegangan dalam MAS menerusi syarikat miliknya, Naluri Bhd (Naluri). Beliau menguasai 47.71 peratus ekuiti dalam Naluri.

Daim bagaimanapun berkata, kerajaan belum tahu lagi sama ada pembelian itu akan dilakukan menerusi Khazanah Holdings Bhd atau tidak.

Mengenai harga dipersetujui kerajaan untuk membeli saham Tajudin, beliau berkata, soal itu juga belum diketahui kerana ia masih lagi di peringkat perbincangan.

Tajudin dikatakan sedang berusaha mendapatkan harga RM8 sesaham atau RM1.67 bilion bagi kepentingan Naluri dalam syarikat penerbangan nasional itu.